

**TOKOH**

# Kesederhanaan Nik Aziz dikenangi kawan, lawan

**M**alam Jumaat lalu, seluruh negara dikejutkan dengan berita sedih pemergian bekas Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat. Pemergian beliau mengundang rasa sedih ramai pihak dari dalam dan luar negara terutama kenalan yang sudah lama rapat dengan beliau.

Terlalu banyak yang boleh diperkatakan mengenai jasa serta sumbangan beliau sebagai seorang tokoh murabbi yang berjaya serta sentiasa konsisten berjuang demi mempertahankan kesucian agama Islam dalam sejarah politik tanah air.

## Ulama, pendakwah unik

Jika diamati dengan teliti, beliau bukan sahaja sebagai seorang Menteri Besar dan wakil rakyat,

malah seorang ulama dan pendakwah Islam yang unik. Memiliki sifat tegas, warak, berperwatakan sederhana, mudah didekati, jujur serta amanah, sudah pasti beliau adalah tokoh yang sukar untuk dicari ganti. Walaupun sudah lama membabitkan diri di dalam kancah dunia politik, tidak dapat dinafikan sifat baik serta amalan hidup sederhana yang dimiliki ketika hayat sentiasa dipandang tinggi serta dihormati kawan serta lawan.

Ini jelas kelihatan ketika beliau mula memegang jawatan Menteri Besar Kelantan. Walaupun 23 tahun menjawat jawatan berkenaan, beliau tetap tinggal di rumah asalnya di Kampung Pulau Melaka yang terletak di belakang masjidnya. Rumahnya pula hanyalah sebuah rumah kampung biasa seperti yang dimiliki rakyat

kebanyakan. Rumahnya tidak berpagar sama sekali dan tiada pengawal keselamatan yang diupah untuk menjaganya.

Apabila beliau menolak untuk tidak tinggal di Kediaman Rasmi Menteri Besar, kerajaan berhak membayar sejumlah wang sebagai bayaran sewa rumah, tetapi beliau tolak. Begitu juga, peruntukan untuk mengadakan jamuan hari raya, beliau turut tidak mengambilnya, tetapi menggunakan duitnya sendiri untuk menjamu rakyat. Kesederhanaan beliau terserlah sekali lagi apabila memotong gajinya demi menjamin kepentingan rakyat.

## Sifat rendah diri

Tindakan diambil ini jelas menunjukkan sifat rendah diri yang jarang dimiliki pemimpin masa kini. Sebelum menjadi Men-

teri Besar, beliau adalah seorang guru agama yang aktif. Beliau pernah mengajar di Sekolah Menengah Agama Tarbiyyah Mardiah, Sekolah Menengah Agama Darul Anwar dan Sekolah Menengah Maahad Muhammadi yang semua terletak di negeri Kelantan.

Maka tidak hairan beliau lebih mesra dengan gelaran 'Tuan Guru' dalam kalangan rakyat Malaysia. Malah ketika hayat, beliau masih lagi aktif menyebarkan ilmu Islam kepada masyarakat. Sifat baik serta semangat perjuangan tinggi yang dimiliki ini banyak memberi contoh teladan yang berguna kepada semua golongan dalam negara kita, terutama generasi muda yang memandang tinggi di atas segala jasa serta pengorbanan beliau selama ini.

Banyak kajian ilmiah yang

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

**bhforum@bh.com.my**

boleh dilakukan bagi mengkaji jasa serta sumbangan beliau dalam sejarah politik tanah air dan dunia Islam secara keseluruhannya. Kajian yang dilakukan ini boleh dibukukan dan memberi manfaat kepada generasi akan datang dalam usaha mengenali beliau ketika hayatnya.

Semoga Allah SWT mencurahi rahmat ke atas roh Allahyarham. Al-Fatihah.

**Dr Muzaffar Syah Mallow**  
Universiti Sains Islam Malaysia